

# MAJLIS BERBUKA PUASA PANGLIMA TENTERA UDARA BERSAMA WARGA PANGKALAN UDARA LABUAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3528-majlis-berbuka-puasa-panglima-tentera-udara-bersama-warga-pangkalan-udara-labuan](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3528-majlis-berbuka-puasa-panglima-tentera-udara-bersama-warga-pangkalan-udara-labuan)

LABUAN, 5 Jun 18 - Panglima Tentera Udara (PTU), YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan isteri YAM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Hjh Tengku Muhamaini binti Sultan Hj Ahmad Shah selaku Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara (JTBU) telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama warga Pangkalan Udara Labuan.

Turut hadir di majlis ini Panglima Wilayah Udara 2, Mej Jen Dato' Mohd Shabre bin Hj Hussein TUDM; AKS Kejuruteraan, Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM; Inspektor Jeneral, Mej Jen Dato' Johar Razali bin Hj Ahmad TUDM dan AKS A4, Brig Jen Dato' Raja Ahmad Ikram bin Raja Othman TUDM serta Pegawai Waran TUDM, PW U I Mohamad Lockman bin Abdul Jabar.

Dalam majlis tersebut, YBhg PTU turut menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada anggota sakit kronik dan anggota asnaf muallaf manakala penyampaian sumbangan kepada asnaf anak-anak dari Darul Kifayah telah disempurnakan oleh YAM Pengerusi JTBU.



